

PRUlink managed fund II

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

Ciri-ciri Dana


Objektif Dana	Untuk memaksimumkan pulangan jangka masa sederhana hingga panjang dengan melabur di dalam saham dan sekuriti berkadar tetap melalui PRUlink equity fund dan PRUlink bond fund dan dalam mana-mana dana PRUlink lain yang mungkin ditawarkan pada masa depan. Nisbah aset peruntukan neutral ialah 80% dan 20% dengan pergerakan yang boleh dibenarkan dari aras +/- 10%.
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p>Strategi Pelaburan Melabur dalam saham dan sekuriti-sekuriti pendapatan tetap melalui PRUlink equity fund dan PRUlink bond fund dan dalam mana-mana dana PRUlink seumpamanya yang mungkin ditawarkan pada masa depan.</p> <p>Pendekatan Pelaburan Pengurus Dana percaya bahawa cara pelaburan yang diarah oleh penilaian dan yang disiplin boleh menjanakan pulangan yang unggul dalam jangka masa panjang. Tujuan mereka adalah untuk menggunakan peluang kedua-dua peruntukan aset dan pengurusan portfolio, dengan fokus pada memaksimumkan pulangan pada paras yang boleh diterima. Ketidakecekapan penetapan harga yang disebabkan tingkah laku pelabur yang tidak munasabah boleh dieksploitasi melalui penyelidikan aktif dalaman dan pengurusan portfolio.</p> <p>Penetapan harga salah yang berjaya dieksploitasi dan dikekalkan memerlukan penerapan cara penilaian kami yang disiplin. Proses mereka mencari cara menyingkirkan kelakuan berat sebelah yang membawa kepada penetapan harga yang salah dalam kejadian pertamanya.</p> <p>Pengurus Dana membuat anggapan yang konservatif terhadap ramalan pendapatan untuk memastikan sasaran penilaian dalaman mereka boleh dicapai. Tetapi, pada masa yang sama, mereka tidak menyingkirkan potensi peluang dengan mengambil risiko yang sudah diperhinkung dalam masa yang tidak stabil ini yang cenderung kepada kejadian sekelilingnya.</p> <p>Pengurus Dana mengikut darjah kekonsistenan yang tinggi dalam jangka masa panjang untuk semua dana, di samping berpegang teguh kepada garis panduan yang tegas dan profesional.</p>
Peruntukan Aset	Dana melabur di antara 70% ke 90% Dana NAV dalam saham melalui PRUlink equity fund atau mana-mana dana PRUlink, yang melabur dalam saham-saham, yang mungkin ditawarkan pada masa depan. Dana juga akan melabur di antara 30% dan 10% Dana NAV ke dalam sekuriti pendapatan tetap melalui PRUlink bond fund atau mana-mana dana PRUlink, yang melabur dalam sekuriti-sekuriti pendapatan tetap, yang mungkin ditawarkan pada masa depan. Dana NAV yang lebih akan dilabur ke dalam aset cair.
Piawaian Prestasi	80% FTSE Bursa Malaysia Top 100 Index (FBM 100) + 20% Maybank 12 Month Tier 1 Fixed Deposit Rate <i>Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari www.bursamalaysia.com/market and www.maybank2u.com.my</i>
Pengurus Dana	Eastspring Investments Berhad (531241-U)
Yuran & Caj	
Caj Pengurusan Dana	1.3% setiap tahun
Caj-caj lain, jika ada	Tiada

Sila ambil perhatian bahawa dana PRUlink bukanlah produk patuh Syariah dan prestasi pelaburan dana PRUlink tidak dijamin.

PRUlink managed fund II

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

Prestasi Dana



Nota: Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.

Tahun	Prestasi PRUlink managed fund II	Plawalan Prestasi 80% FTSE Bursa Malaysia Top 100 Index (FBM 100) + 20% Maybank 12 Month Tier 1 Fixed Deposit Rate
2013	9.51%	9.75%
2014	-2.14%	-4.33%
2015	0.58%	-1.61%
2016	0.06%	-1.31%
2017	10.85%	10.77%

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg, 31 Disember 2017

Amaran: Ini hanya adalah prestasi dana pelaburan tersebut dan bukan pulangan dari sumbangan yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan itu.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left(\frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n-1} - 1 \right) \%$$

Risiko-Risiko Pelaburan

Sila rujuk kepada Lampiran 1 untuk butir-butir senarai Risiko-Risiko Pelaburan di bawah yang mengikut urutan kepentingan:

- (A) Risiko Pasaran
- (B) Risiko Saham / Penerbit
- (C) Risiko Kadar Faedah
- (D) Risiko Kredit / Kegagalan
- (E) Risiko Kecairan
- (F) Risiko Negara
- (G) Risiko Tiada-Pematuhan
- (H) Risiko Penumpuan
- (I) Risiko Syarikat Pengurusan
- (J) Risiko Inflasi
- (K) Risiko Pengurus Pelaburan

PRUlink managed fund II

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

Pengurusan Risiko

Peramalan Risiko

Risiko yang berpotensi timbul akan dipertimbangkan dalam proses peruntukan sektor dan pilihan stok yang berdasarkan analisis pelbagai faktor-faktor penting seperti keadaan ekonomi, kecairan, aspek-aspek kualitatif dan kuantitatif sekuriti tersebut.

Kawalan Sistem

Had risiko ditetapkan secara dalaman untuk setiap dana dan bergantung kepada profil risiko pelanggan. Had risiko tersebut termasuk pengeluar bet, kumpulan pengeluar, pengkadaran sektor dan saiz isu sekuriti yang dipegang dalam portfolio.

Satu sistem depan pejabat ditempatkan untuk mengawasi risiko portfolio, yang bertugas sebagai penapis automatik untuk had-had atau keadaan pecah amanah.

Maklumat Lain

- Pasaran Sasaran
 - Pelabur yang mencari nilai modal yang meningkat dan pengagihan pendapatan yang membawa erti.
 - Daya toleransi risiko yang sederhana ke tinggi.
 - Pengalaman pelaburan dalam jangka masa sederhana ke panjang.
- Dasar & Kekerapan Tarikh Penilaian
 - Penghargaan unit dibuat setiap hari.
 - Harga unit bagi dana PRUlink tertentu pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan Nilai Dana dibahagi dengan bilangan Unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.
 - Nilai Dana ialah nilai semua aset dana PRUlink selepas memotong belanja untuk menguruskan, memperolehi, menyenggaraan, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.
 - Tarikh Penilaian ialah tarikh yang ditentukan oleh Syarikat dari masa ke semasa, tetapi tidak kurang daripada sekali sehari, untuk tujuan menentukan Harga Unit.
 - Untuk mendapatkan balik kos memperolehi dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat untuk Nilai Unit untuk memulihkan sebarang jumlah yang telah atau dijangka akan dibayar oleh dana untuk penghasilan dan pembatalan unit-unit.
- Keadaan-keadaan luar biasa
 - Syarikat juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, bila terdapat jumlah jualan atau penebusan aset mana-mana dana PRUlink yang luar biasa besarnya dalam jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan/atau penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.
 - Syarikat mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusniaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbitkan dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari mana-mana dana PRUlink. Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.